



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**KAJIAN TERHADAP CARA ATAU PRODUK UNTUK
MEMBERI MAKANAN KEPADA HAIWAN PELIHARAAN SKOP
KAJIAN: KUCING**

Siti Hakimah Binti Mohamad Salleh

TK
7872
D48
S623
2007

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Senireka)
2007

611310467

P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000191066

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
94300 Kota Samarahan

**KAJIAN TERHADAP CARA ATAU PRODUK UNTUK MEMBERI
MAKANAN KEPADA HAIWAN PELIHARAAN
SKOP KAJIAN: KUCING**

SITI HAKIMAH BINTI MOHAMAD SALLEH

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2007

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : Kajian Terhadap Cara Atau Produk Untuk Memberi Makanan Kepada Haiwan Peliharaan

Skop Kajian: Kucing

SESI PENGAJIAN : Sesi 2006/2007

Saya SITI HAKIMAH BINTI MOHAMAD SALLEH

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik,
Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. ** sila tandakan (✓)

☐

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☒

TIDAK TERHAD

Kimah

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

Lot 2114 Kg. Wakaf Zin Kota,

Jalan Salor,

15100 Kota Bharu,

KELANTAN.

Tarikh : 11/05/2007

Tarikh: _____

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi

berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai TERHAD.

Projek bertajuk 'Kajian Terhadap Cara Atau Produk Untuk Memberi Makanan Kepada Haiwan Peliharaan' telah disediakan oleh Siti Hakimah Binti Mohamad Salleh dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Teknologi Seni Reka).

Diterima untuk diperiksa Oleh:

En. Muhammad Firdaus

Abong Abdullah


(Penyelia 1)

Tarikh:

Prof. Madya. Dr. Khairul Aidil

Azlin Abdul Rahman

(Penyelia 2)



Prof. Madya Dr. Hj. Khairul Aidil Azlin Abd. Rahman
Penyelia Dekan (Pascasiswazah & Penyelidikan)
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
Universiti Malaysia Sarawak
Tarikh: 5.10.2007.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.....

Assalamualaikum dan selamat sejahtera saya ucapkan. Terlebih dahulu syukur ke hadrat ilahi kerana dapat saya menyiapkan penyelidikan projek tahun akhir ini dengan jayanya. Penyelidikan ini tidak dapat disiapkan sekiranya tiada sokongan daripada semua pihak. Oleh itu, saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada pensyarah subjek Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir Seni Reka Perindustrian iaitu, Encik Muhammad Firdaus Abong Abdullah kerana sudi memberikan nasihat dan tunjuk ajar sepanjang menjalankan projek penyelidikan tahun akhir ini disamping menjadi penyelia kepada projek penyelidikan ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Khairul Aidil Azlin Abdul Rahman dan Encik Musdi Hj. Shanat kerana banyak membantu saya dalam memberikan idea dan pandangan bagi memastikan projek ini siap dan dapat dihantar mengikut waktu yang telah ditetapkan.

Terima kasih juga kepada ibubapa saya, Mohamad Salleh Bin Umat dan Zaharah Bt jaafar yang banyak memberikan dorongan dari segi kewangan dan semangat bagi menyiapkan penyelidikan dan projek ini. Terima kasih juga kepada kakak saya yang banyak membantu mencari maklumat dalam menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang telah banyak membantu dalam memberikan pandangan dan idea serta memberi semangat kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan dan projek tahun akhir ini.

Ucapan terima kasih juga Dr. Sharifah Asiah Bt. Mohd Amin pegawai veterinar makmal veterinar Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kubang Kerian, Kota Bharu, Pn. Amy Mahmood pemilik B Four Shop Animal dan Cik Sabrina Elyani Mohd Nor kerana meluangkan masa untuk ditemuramah. Ucapan terima kasih tidak terhingga juga kepada Mohd Taufiq Norshamsuri pelajar German Malaysia Institute yang

Kajian Terhadap Cara Atau Produk Untuk Memberi
Makanan Kepada Haiwan Peliharaan

Siti Hakimah Binti Mohamad Salleh

Program Teknologi Seni Reka (Reka Bentuk Perindustrian)
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
Tel: 017-9711460/ 019-6972264
Email: juliet_orange997@yahoo.com.

ABSTRAK

Projek ini bertujuan untuk mengkaji cara atau produk untuk memberi makanan kepada haiwan peliharaan (kucing). Kebanyakan produk untuk memberi makanan kepada peliharaan yang sedia ada di pasaran adalah tidak ergonomik dan kebanyakan tidak membantu pengguna mengatasi masalah yang dihadapi. Kajian ini juga akan mengkaji dan mencadangkan material yang paling sesuai untuk memberi makanan kepada kucing untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pengguna.

ABSTRACT

This project aims to study the method or food dispenser products for pets. Most food dispenser products in the market not ergonomics and burdens the users. This study also focuses on suggesting proper material for the food dispenser in order to solve those problems.

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan	iii
Jadual Kandungan	iv
Abstrak	v

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Pernyataan Masalah	2
1.1.1	Cara pemberian makanan yang tidak bersih	
1.1.2	Ketidaktetapan masa untuk memberi makanan kepada kucing	
1.1.3	Kesegaran makanan	
1.1.4	Kebersihan bekas makanan	3
1.1.5	Bekas makanan yang kecil	
1.2	Objektif Kajian	4
1.3	Skop Kajian	
1.4	Metodologi Kajian	
1.5	Sumber Pengumpulan Data	
1.5.1	Pemerhatian	5
1.5.2	Borang Kaji Selidik	
1.5.3	Pengalaman	6
1.5.4	Temuramah	
1.6	Hipotesis	
1.7	Limitasi Kajian	
1.8	Kesimpulan	7

BAB 2 KAJIAN LITERASI

2.0	Kajian Lepas	8
2.1	Kajian terhadap reka bentuk bekas makanan yang sedia ada di pasaran	9

BAB 3 ANALISA DATA

3.0	Analisa Data	10
3.1	Seksyen A	
3.1.1	Seksyen B	
3.1.2	Seksyen C	11
3.2	Hasil Dapatan Kajian	
3.2.1	Pengenalan	

3.2	Figura peratusan responden yang berpuas hati dengan Produk yang sedia ada	12
3.3	Figura peratusan responden yang mengalami kesukaran Memberi makanan kepada haiwan peliharaan	13
3.4	Figura peratusan sama ada haiwan peliharaan responden makan mengikut waktu yang ditetapkan atau tidak	14
3.5	Figura peratusan jenis material yang digunakan untuk memberi makanan kepada haiwan peliharaan	15
3.6	Figura peratusan jenis bekas makanan yang digunakan oleh responden	16
3.7	Figura peratusan responden yang bersetuju diadakan bekas makanan yang berbentuk automatik	17
3.8	Figura min bagi ciri-ciri yang dicadangkan oleh responden untuk bekas makanan haiwan peliharaan	18
3.9	Dapatan Kajian Daripada Temuramah	19
3.9.1	Temuramah 1	20
3.9.2	Temuramah 2	21
		22
3.9.3	Temuramah 3	23
3.9.4	Kesimpulan	24

BAB 4 CADANGAN REKA BENTUK

4.0	Pendahuluan	25
4.1	Cadangan Reka bentuk	
4.2	Proses Reka Bentuk	26
4.2.1	Figura lakaran perkembangan idea	27

BAB 5 REKA BENTUK AKHIR

5.0	Reka Bentuk Akhir	28
5.1	Spesifikasi Reka Bentuk	
5.2	Konsep Reka Bentuk	29
5.2.1	Perincian reka bentuk	30
5.2.2	Lukisan teknikal	
5.3	Cara Penggunaan "AUTOPETVET"	31
5.4	Bagaimana "AUTOPETVET" berfungsi	32
5.5	Validasi	
5.5	Figura model sebenar "AUTOPETVET"	33
5.6	Kesimpulan	34

BAB 6 KESIMPULAN

6.0	Kesimpulan	35
-----	------------	----

BIBLIOGRAFI	36
--------------------	-----------

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Haiwan peliharaan merupakan haiwan yang dibela dan dipelihara oleh seseorang individu untuk dijadikan sebagai hobi. Kini, kebanyakan orang ramai suka memelihara haiwan untuk dijadikan sebagai hobi selain untuk memenuhi masa lapang mereka. Mereka memelihara haiwan berkenaan sebagai haiwan kesayangan. Antara haiwan yang biasanya dijadikan haiwan peliharaan ialah kucing, anjing, arnab, hamster dan juga haiwan eksotik seperti iguana, ular dan sebagainya.

Bekas makanan haiwan amat penting kepada haiwan peliharaan bagi mengisi makanan dan minuman selain untuk memastikan kebersihan, keselesaan dan kesesuaian bekas makanan itu kepada haiwan peliharaan. Bekas makanan yang bersesuaian amat penting kerana dengan adanya bekas makanan yang sesuai ia mampu untuk memberikan keselesaan di samping mampu untuk menjaga kesihatan haiwan berkenaan secara tidak langsung. Biasanya bekas yang digunakan oleh individu untuk kegunaan haiwan peliharaan mereka ialah mangkuk, piring, pinggan dan sebagainya. Manakala material bekas makanan berkenaan pula ialah plastik, seramik, kayu, kaca dan sebagainya. Bekas makanan yang tahan lasak, bersih, ergonomik, mesra pengguna dan jenis automatik adalah paling sesuai untuk haiwan peliharaan dan pemilik haiwan itu sendiri.

Dewasa ini, pasaran untuk bekas makanan haiwan kebanyakannya adalah jenis yang manual dan pelbagai masalah telah dihadapi oleh individu umumnya dan

khasnya pemilik haiwan peliharaan berkenaan yang sentiasa sibuk dan tidak mempunyai masa untuk memberikan makanan kepada haiwan peliharaan mereka kerana kebanyakan haiwan peliharaan seperti kucing, anjing, arnab, hamster, burung dan sebagainya makan mengikut masa yang telah ditetapkan.

1.1 Pernyataan Masalah

1.1.1 Cara pemberian makanan yang tidak bersih

Bekas makanan yang digunakan pada masa kini tidak begitu terjamin kebersihannya. Cara pemberian makanan yang tidak bersih contohnya pemilik kucing menggunakan tangan yang basah ketika menyediakan makanan kepada kucing mereka. Ini boleh menyebabkan makanan berkenaan rosak. Hal ini biasanya berlaku jika pemilik kucing ini perlu menyediakan makanan kepada kucing mereka pada setiap hari dengan beberapa kekerapan membuatkan pemilik kucing mengambil sikap sambil lewa dan ambil mudah terhadap cara pemberian makanan yang sepatutnya.

1.1.2 Ketidaktetapan masa untuk memberi makanan kepada kucing

Ketidaktetapan masa adalah antara masalah yang di hadapi oleh mereka yang memelihara haiwan peliharaan. Pemilik kucing terpaksa mengikut waktu yang tertentu untuk memastikan kucing mereka tidak kelaparan dan makan mengikut waktu. Dengan penyelidikan ini, pengkaji akan mencari penyelesaian bagaimana cara yang terbaik untuk memastikan mereka yang memelihara haiwan peliharaan boleh meninggalkan haiwan peliharaan mereka sepanjang hari tanpa menyusahkan diri untuk berulang kali memberi makanan kepada haiwan kesayangan mereka.

1.1.3 Kesegaran makanan

Kesegaran makanan contohnya jika makanan di beri dan diletakkan di dalam bekas yang akan di reka oleh penyelidik, bagaimanakah caranya untuk memastikan

makanan itu sentiasa segar dan tidak memberi sebarang kesan kepada haiwan peliharaan contohnya keracunan atau ketidaksegaran makanan terbabit. Selain itu juga, penyelidik mengkaji cara untuk mengelakkan makanan yang diberikan kepada kucing tidak mudah rosak seperti lemau dan sebagainya.

1.1.4 Kebersihan bekas makanan

Kebersihan bekas makanan juga haruslah dititik beratkan bagi memastikan kesihatan kucing. Bekas makanan kucing biasanya kotor dan terpaksa dicuci berkali-kali dalam seminggu bagi memastikan kebersihannya. Selain itu ia juga mudah terdedah kepada debu dan keadaan sekeliling yang tidak bersih. Selain terdedah kepada serangga seperti semut, lipas dan sebagainya.




Figura 1.1.4 Menunjukkan bekas makanan yang mudah terdedah kepada serangga kerana tidak bertutup.

1.1.5 Bekas makanan yang kecil

Bekas makanan yang kecil dan tidak bersesuaian juga antara masalah yang dapat dikesan. Ia tidak memberi keselesaan kepada haiwan peliharaan untuk makan dan minum selain terpaksa berkongsi makanan dan minuman.



Figura 1.1.5 Menunjukkan contoh bekas makanan yang kecil

1.2 Objektif Kajian

- Kajian ini dilakukan untuk mengkaji psikologi kucing dan kaedah terbaik untuk memberi makanan kepadanya.
- Kajian ini juga dilakukan untuk menghasilkan serta mencari satu cara yang sesuai dan berkesan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

1.3 Skop Kajian

Kajian ini hanya akan mengkaji ruang lingkup bagi permasalahan yang telah dinyatakan sahaja iaitu masalah untuk mengenalpasti cara atau produk untuk memberi makanan kepada kucing sahaja.

1.4 Metodologi Kajian

Metodologi bermaksud kaedah atau cara yang digunakan untuk mendapatkan maklumat kajian. Kaedah yang akan digunakan untuk mengumpulkan data primer serta data sekunder adalah kajian kuantitatif dan kajian kualitatif. Data primer adalah data yang akan didapati melalui temuramah, soal selidik, pengalaman dan pemerhatian manakala data sekunder pula adalah sebarang maklumat yang sedia ada seperti jurnal, majalah dan laman web.

1.5 Sumber Pengumpulan Data

Proses mendapatkan asas atau teras kajian bagi memperjelas dan menguatkan lagi matlamat dan objektif kajian melalui data yang diperoleh berdasarkan kajian-kajian lepas berkenaan topik yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan adalah amat penting. Ini kerana, penyelidik perlu mengetahui sejauh mana perlunya kajian yang hendak dijalankan. Jika tidak melalui proses ini, penyelidik mungkin menghadapi risiko melakukan penyelidikan yang sia-sia tanpa objektif yang tepat dan jelas.

Jesteru, penyelidik telah membuat penyelidikan secara awal secara dasar tentang subjek kajian melalui pembacaan dan rujukan daripada sumber-sumber yang berkaitan; seperti buku, majalah, akhbar, internet, jurnal dan sebagainya. Penyelidikan ini bakal merangkumi topik-topik berkenaan dengan masalah yang dihadapi untuk memberi makanan kepada kucing dan cara yang terbaik dan sesuai untuk menyelesaikan masalah ini. Melalui proses ini, penyelidik juga dapat mengenalpasti apakah seterusnya kaedah ataupun aspek penyelidikan yang sesuai untuk mendapatkan sumber yang tepat dan lebih baik sebagai perolehan daripada kajian ini.

1.5.1 Pemerhatian

Pemerhatian yang dijalankan banyak membantu dalam memberikan gambaran yang lebih jelas tentang kajian yang sedang dilakukan. Kaedah penyelidikan ini dibuat keatas pemilik kucing, klinik haiwan, dan kedai menjual haiwan peliharaan. Melalui kaedah ini juga, penyelidik dapat merangka dan menyusun struktur penyelidikan yang sedang dijalankan dengan lebih baik dan tersusun. Kaedah ini juga dapat membantu penyelidik dalam memperbaharui data dan perolehan sepanjang tempoh penyelidikan yang dijalankan.

1.5.2 Borang Kaji Selidik

Borang kaji selidik yang mengandungi tiga bahagian iaitu Seksyen A untuk maklumat peribadi, Seksyen B untuk soalan umum dan Seksyen C untuk soalan umum tentang reka bentuk yang mempunyai 18 soalan merangkumi topik-topik yang berkaitan dengan apa yang ingin dikaji oleh penyelidik. Borang kaji selidik ini diedarkan kepada sejumlah individu yang menjadi responden; misalnya mereka yang mempunyai haiwan peliharaan, mereka yang bekerja di klinik haiwan dan juga pemilik dan pekerja kedai haiwan peliharaan dan orang ramai sekitar Bandar Kota Bharu dan Bandar Raya Kuching.

Dengan proses pengedaran yang tepat dan efektif ini dapat memastikan serta dapat menjamin ketepatan data yang diperolehi. Borang kaji selidik ini adalah berfungsi untuk mendapatkan data primer yang kuantitatif, sekaligus menjadi data perolehan yang paling penting dan utama dalam menyempurnakan penyelidikan ini.

1.5.3 Pengalaman

Pengalaman penyelidik yang mempunyai hobi memelihara kucing juga turut menjadi sumber maklumat untuk mengatasi masalah dan memperbaiki kelemahan produk yang sedia ada di pasaran.

1.5.4 Temuramah

Kaedah temuramah perlu dilakukan bagi membantu memperjelaskan dan memberi maklumat yang lebih detail daripada keempat-empat kaedah sebelum ini. Kaedah ini juga dapat membantu penyelidik untuk mendapatkan data-data sampingan yang berbentuk subjektif, yang mungkin berguna untuk menyokong penulisan ini.

1.6 Hipotesis

Memudahkan pemilik untuk memberi makanan kepada kucing serta memudahkan kucing untuk makan bagi memastikan kesihatannya.

1.7 Limitasi Kajian

- Sukar untuk mendapatkan bahan daripada jurnal dan majalah.
- Ketiadaan contoh bekas makanan yang berbentuk automatik dipasaran Malaysia untuk dijadikan rujukan mengenai bentuk dan inovasinya.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, proses penyelidikan haruslah dirancang dan disusun dengan teliti dan baik bagi memastikan serta mendapatkan data yang tepat. Selain aspek-aspek literal, aspek-aspek fizikal seperti ekonomi dan geografi serta cuaca juga perlu dititik beratkan, kerana ia boleh mempengaruhi keseluruhan penyelidikan ini.

BAB 2

KAJIAN LITERASI

2.0 Kajian Lepas

Terdapat pelbagai jenis reka bentuk bekas makanan kucing yang sedia ada dipasaran. Dari semasa ke semasa, pelbagai bentuk dan teknologi yang telah diperbaharui. Dengan adanya pembaharuan pada reka bentuk bekas makanan kucing, masalah yang terdapat pada rekaan bekas makanan kucing akan dapat diatasi. Namun, reka bentuk bekas makanan kucing jenis manual masih dikekalkan sehingga kini. Bekas yang biasa digunakan untuk mengisi makanan kucing ialah seperti mangkuk, pinggan, piring dan sebagainya. Manakala material untuk bekas makanan ini pula adalah seperti kaca, plastik,seramik dan “stainless stell”.

Walaubagaimanapun terdapat juga bekas makanan kucing jenis yang automatik namun masih lagi tidak mampu mengatasi masalah yang dihadapi oleh pengguna.

2.1 Kajian terhadap reka bentuk bekas makanan yang sedia ada di pasaran

Bekas makanan kucing terbahagi kepada dua jenis iaitu jenis manual dan automatik. Bagi yang manual ialah jenis yang biasa yang tidak mempunyai teknologi. Biasanya bekas makanan jenis ini adalah diperbuat daripada kaca, seramik dan plastik. Bekas makanan jenis ini adalah ringkas dan biasanya berbentuk seperti mangkuk, pinggan dan piring.



Figura 2.1 Menunjukkan bekas makanan kucing yang manual yang sedia ada dipasaran



Figura 2.1.1 Bekas makanan jenis automatik dan berbentuk organik

BAB 3

ANALISA DATA

3.0 Analisa Data

Borang kaji selidik telah disediakan untuk mengetahui sama ada responden berpuas hati dengan produk yang sedia ada di pasaran pada masa kini. Borang kaji selidik ini mempunyai tiga bahagian, iaitu Seksyen A, berkenaan dengan maklumat peribadi, Seksyen B mengenai soalan umum dan Seksyen C mengenai soalan umum tentang reka bentuk.

3.1 Seksyen A

Pada Seksyen A borang kaji selidik ini, mempunyai empat soalan sahaja iaitu berkenaan dengan umur, jantina, status dan pekerjaan responden.

3.1.1 Seksyen B

Soalan kaji selidik untuk Seksyen B adalah soalan berbentuk umum yang mempunyai soalan umum berkenaan haiwan peliharaan dan bekas makanan haiwan. Maklumat ini sangat penting bagi mengetahui maklum balas daripada responden mengenai produk yang sedia ada dipasaran pada masa kini.

3.1.2 Seksyen C

Soalan untuk Seksyen C pula lebih menumpukan kepada soalan umum tentang reka bentuk yang akan dihasilkan. Pada bahagian ini mempunyai lima soalan dan dapatan daripada responden amat penting bagi memastikan reka bentuk yang akan dihasilkan oleh penyelidik mampu mengatasi masalah yang sedia ada pada produk yang ada di pasaran.

3.2 Hasil Dapatan Kajian

3.2.1 Pengenalan

Penyelidikan telah dijalankan di sekitar Bandar Kota Bharu, Kelantan dan Bandar Raya Kuching, Sarawak serta melibatkan responden dan premis yang terangkum dalam skop kajian (sepertimana yang telah dinyatakan di dalam Bab 1). Penyelidik menggunakan beberapa metodologi dalam menjalankan penyelidikan, iaitu kajian lepas, pemerhatian, borang kaji selidik, pengalaman dan temuramah. Tempoh masa penyelidikan adalah selama lima bulan, iaitu daripada permulaan proses kajian awal, pengumpulan data sehinggalah peringkat cadangan.

Bagi kaedah lepas, pemerhatian secara berterusan dari awal penyelidikan hinggalah pada akhir penyelidikan, memandangkan kajian ini adalah berlanjutan selama dua semester. Hasil dapatan daripada keputusan soalan kaji selidik adalah seperti berikut;




Figura 3.2 Peratusan Responden Yang Berpuas Hati Dengan Produk Yang Sedia Ada

Soalan bagi kepuasan hati pengguna tentang produk yang sedia ada dipasaran disoal kepada responden bagi mengetahui sama ada bekas makanan kucing yang sedia ada dipasaran memuaskan hati mereka atau tidak bagi memperbaiki kelemahan produk yang sedia ada dipasaran. Sebanyak 24% responden yang rata-rata mempunyai haiwan peliharaan menyatakan mereka berpuas hati, manakala sebanyak 74% pula responden menyatakan bahawa mereka tidak berpuas hati dengan produk yang sedia ada.



Figura 3.3 Peratusan Responden Yang Mengalami Kesukaran Memberi Makanan Kepada Haiwan Peliharaan

Soalan peratusan responden yang mengalami kesukaran memberi makanan kepada haiwan peliharaan adalah bagi melihat sama ada pengguna mengalami masalah atau tidak ketika memberi makanan kepada haiwan peliharaan mereka. Soalan ini penting bagi menghasilkan produk yang lebih baik kepada pengguna. Sebanyak 63% responden menyatakan mereka mengalami kesukaran ketika memberikan makanan kepada haiwan peliharaan mereka, manakala sebanyak 37% pula menyatakan tidak.




Figura 3.4 Peratusan Sama Ada Haiwan Peliharaan Responden Makan mengikut Masa Yang Ditetapkan Atau Tidak

Soalan ini amat penting untuk dijadikan sebagai rujukan bagi penyelidik kerana soalan ini dapat membantu penyelidik untuk mengetahui jawapan atau keputusan yang dibuat oleh responden mengenai haiwan peliharaan responden berkenaan sama ada haiwan peliharaan mereka makan mengikut masa yang ditetapkan atau tidak. Dapatan daripada responden mendapati sebanyak 72% menyatakan haiwan peliharaan mereka makan mengikut waktu yang ditetapkan manakala 28% pula menyatakan tidak.




Figura 3.5 Peratusan Jenis Material Yang Digunakan Untuk Memberi Makanan Kepada Haiwan Peliharaan

Soalan ini adalah berkenaan dengan jenis material yang digunakan untuk memberi makanan kepada haiwan peliharaan. Daripada dapatan yang diperolehi jenis bekas makanan yang berbentuk plastik paling banyak digunakan iaitu sebanyak 44%, diikuti dengan kaca sebanyak 39%, seramik 15% dan besi adalah sebanyak 2% sahaja. Soalan ini amat penting bagi mengetahui jenis bekas yang bagaimanakah yang paling digemari oleh pengguna dan dapatan ini boleh dijadikan rujukan kepada penyelidik untuk menghasilkan rekaan produknya nanti.